

TARIKH : 18 FEBUARI 2021
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 6

Program imunisasi percepat pemulihan sektor ekonomi


Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Usaha kerajaan melaksanakan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan melibatkan seluruh rakyat secara tidak langsung akan mempercepatkan pemulihan ekonomi negara.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, apabila vaksin diedarkan dan dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh 12 hingga 18 bulan, tahap keyakinan pengguna dan pelabur bertambah baik.

Jelas beliau, usaha berkenaan antara perancangan dan hala tuju kerajaan dalam menstruktur ekonomi supaya lebih berdaya tahan.

Katanya, ini termasuk di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) beberapa langkah akan diperkenalkan untuk menstruktur ekonomi supaya lebih berdaya tahan dengan memberi tumpuan kepada beberapa bidang termasuk pendigitalan, ekonomi hijau, teknologi teraju dan pelaburan berkualiti.



“Apabila vaksin diedarkan dan dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh 12 hingga 18 bulan, tahap keyakinan pengguna dan pelabur bertambah baik.”

MUSTAPA MOHAMED

“Pandemik Covid-19 menyebabkan RMK-12 yang dijadualkan dibentangkan pada Ogos tahun lalu terpaksa ditangguhkan untuk penilaian semula kerana keadaan yang berubah hari ini,” katanya di sini baru-baru ini.

Menurut Mustapa, walaupun

RMK-12 belum’ dibentangkan di Parlimen, namun pelaksanaan projek pembangunan bagi tahun ini boleh dimulakan memandangkan peruntukan telah diluluskan dalam Belanjawan 2021 pada 15 Disember tahun lalu.

Sehubungan itu katanya,

kerajaan akan memastikan projek dapat dilaksanakan dengan segera oleh kementerian dan agensi bagi mempercepatkan pemulihan ekonomi dan akan memantau sendiri pelaksanaannya bersama Ketua Setiausaha Negara.

Beliau menjelaskan, Malaysia mempunyai asas ekonomi yang kukuh dan kestabilan kini ialah semua pihak sektor awam, sektor swasta dan rakyat memberikan tumpuan sepenuhnya untuk memulihkan semula ekonomi.

“Adalah dijangka prestasi ekonomi suku pertama tahun ini lebih baik daripada suku keempat tahun lalu yang mencatatkan penguncupan 3.4 peratus. Ini kerana hampir semua sektor ekonomi dibuka semula pada 5 Februari lalu.

“Bagaimanapun untuk mencapai prestasi yang sama seperti suku pertama tahun lalu agak mencabar kerana asas (base) suku pertama tahun lalu adalah positif iaitu pertumbuhan 0.7 peratus. Bagaimanapun besar kemungkinan pertumbuhan suku kedua 2021 adalah jauh lebih baik daripada suku kedua 2020,” katanya.